



Dua pemimpin Serambi Mekah bertemu demi kemanusiaan sejagat

Kritik dengan hikmah, raih kasih sayang bukan permusuhan
- Exco Agama

Roadcare ambil alih penyelenggaraan Pakej 3B, 3C Jalan Gua Musang

Usaha menyeluruh diperlukan tangani isu dadah di Kelantan
- YB Zamakhshari

MB Kelantan ketua delegasi agih sumbangan kepada mangsa banjir Aceh

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 Januari - Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mengetuai delegasi Kerajaan Negeri Kelantan mengagihkan bantuan yang disumbangkan oleh rakyat Kelantan kepada mangsa banjir di Kampung Gunting, Pidie Jaya Aceh, pada Sabtu.

Schubungan itu, Bupati Pidie Jaya Aceh H. Sibral Malasyi mengaku bahawa sokongan berterusan rakyat Malaysia khususnya Kelantan terhadap Aceh amat dihargai oleh masyarakat setempat yang kini sedang bangkit selepas dilanda bencana banjir lumpur besar di wilayah kepulauan Sumatera, Indonesia.

Beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Besar Kelantan dan ahli delegasi atas keprihatinan membantu meringankan beban mangsa banjir di daerah itu.

"Terima kasih tidak terhingga



kepada YAB Dato' dan rombongan yang sudi hadir dan membantu masyarakat Pidie Jaya dengan sumbangan berupa periuk nasi elektrik serta keperluan asas lain kepada mangsa banjir," katanya seperti yang disiarkan oleh stesen TV Astro.

Delegasi Kerajaan Negeri Kelantan tiba di Aceh pada Khamis bagi meninjau keadaan terkini mangsa banjir lumpur, khususnya di Pidie Jaya, selain menyampaikan sumbangan kemanusiaan.

Sebanyak 160 keluarga di Kampung Gunting menerima sumban-

gan berupa periuk nasi elektrik, dapur gas serta wang tunai yang disampaikan sendiri oleh Menteri Besar.

Sementara itu, Dato' Mohd Nassuruddin memaklumkan bahawa bantuan tersebut adalah tanda solidariti dan persaudaraan antara umat Islam.

"Mereka semua adalah saudara-saudara dan adik-beradik kita. "انما المؤمنون اخوة". Inilah tujuan kami datang, mudah-mudahan sumbangan ini dapat menambah dan menguatkan semangat saudara-saudara kita di Aceh, khusus-

“

Terima kasih tidak terhingga kepada YAB Dato' dan rombongan yang sudi hadir dan membantu masyarakat Pidie Jaya dengan sumbangan berupa periuk nasi elektrik serta keperluan asas lain kepada mangsa banjir,”

nya di Pidie Jaya,” katanya sebagaimana laporan Astro.

Menteri Besar turut meluangkan masa meninjau keadaan penduduk setempat yang sedang berusaha membina semula kehidupan selepas bencana itu.

Banjir lumpur berkenaan dilaporkan melanda beberapa wilayah di Aceh, Sumatera Utara dan Sumatera Barat pada penghujung November 2025 yang mengorbankan 1,178 mangsa, selain menyebabkan ratusan ribu penduduk terjejas dan kehilangan tempat tinggal.



Peristiwa Israk Mikraj sarat pengajaran, hikmah - MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Januari - “Peristiwa agung ini bukanlah semata-mata sebuah perjalanan biasa, tetapi perjalanan yang perlu dihayati secara menyeluruh kerana padanya sarat dengan pengajaran dan hikmah,” demikian penegasan Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud dalam Perutusan Sempena Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj 1447H/2026.

Bertemakan “Rapatkan Saf dan Kukuhkan Kesatuan Ummah” beliau mengingatkan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj merupakan antara mukjizat terbesar yang dianugerahkan kepada Rasulullah SAW, sekali gus menggambarkan keagungan risalah kenabian serta menguji keteguhan iman umat Islam untuk meyakini kebenaran peristiwa tersebut.

“Dengan berlakunya mukjizat ini, pendirian dan keteguhan iman umat Islam benar-benar teruji untuk meyakini atau meragukannya,” katanya.

Beliau turut mengimbau teladan Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq radhiallahu anhu yang tetap thabat dan thiqah terhadap kebenaran peristiwa agung itu.



Menurutnya, keteguhan iman yang ditampilkan oleh para sahabat wajar dijadikan iktibar, khususnya ketika umat Islam hari ini berdepan pelbagai cabaran dan ujian, termasuk penderitaan saudara seIslam di Palestin.

“Apa yang dihadapi dan ditangani dengan perjuangan saudara kita di Filastin cukup memberikan tamparan yang hebat kepada seluruh umat Islam mengenai erti istiqamah mempertahankan Islam,” jelasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj turut mengangkat kedudukan solat sebagai tiang agama dan penghubung utama antara hamba dengan

Penciptanya, apabila perintah solat lima waktu dimaktubkan dalam peristiwa berkenaan.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan memperingati Israk dan Mikraj dengan menganjurkan Bulan Solat yang disegarkan pembawaannya melalui program Iqomatu Solah, sebagai usaha memperkukuh perisai iman dalam kalangan masyarakat.

“Di samping tindakan proaktif pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) membanteras jenayah melalui operasi yang dijalankan, usaha memperkukuh iman melalui solat perlu dilaksanakan dan dipantau secara dekat agar gejala sosial

dapat dicegah dan dibanteras secara menyeluruh,” katanya.

Menteri Besar turut menekankan mesej perpaduan ummah yang terserlah apabila Rasulullah SAW mengimami solat para anbiya’ di Masjidil Aqsa, yang menurutnya menjadi simbol penyatuan saf dan penyelarasan suara umat Islam.

“Solat sebenarnya menjadi ibadah yang merapatkan saf dan menyelaraskan suara ummah. Dengan semangat sambutan ini, saya menyeru seluruh umat Islam khususnya di negara kita agar merapatkan saf dan memperkukuhkan kesatuan ummah atas dasar Islam,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menggesa agar segala perbezaan dan persengketaan yang merugikan ummah diketepikan demi kepentingan dan masa depan Islam secara menyeluruh.

Tambahnya, keyakinan bahawa segala cabaran yang dilihat sukar mampu direalisasikan sekiranya perintah Allah SWT dijunjung dengan penuh keikhlasan.

“Kuncinya adalah dengan kembali kepada penyelesaian Islam. Segala hasrat murni dan langkah yang disusun akan dibimbing dan diberkati oleh Allah SWT,” pesannya.

Kritik dengan hikmah, raih kasih sayang bukan permusuhan – Exco Agama

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Januari - Kritikan terhadap seseorang perlu disampaikan dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan bagi mengelakkan perasaan tersinggung, sekali gus meraih kasih sayang serta penghormatan, bukan mencestuskan permusuhan.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan, pendekatan menegur secara terbuka sering kali membawa kesan negatif kerana boleh mengaibkan individu yang dikritik serta melukakan perasaan mereka.

Katanya, kritikan secara terbuka kebiasaannya hanya menjatuhkan



orang yang ditegur dan memberi keuntungan kepada pengkritik dari segi nama dan perhatian.

“Akhirnya, ia membawa kepada perselisihan berpanjangan, ma-

lah perbalahan,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Menurutnya, Islam menuntut setiap keburukan dicegah, namun mesti dilakukan dengan kaedah

(uslub) yang betul.

“Jika cara teguran itu tepat, orang yang melakukan kejahatan boleh berubah menjadi insan yang baik. Namun, jika kaedahnya salah, orang yang asalnya baik dengan pengkritik boleh berubah menjadi bermusuhan,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa Rasulullah SAW telah mengajar umat Islam supaya tidak menegur kesalahan individu secara terbuka dengan menyebut nama dan kesalahan mereka, sebaliknya memberi nasihat secara umum sebagai pengajaran kepada semua.

“Pendekatan ini bukan sahaja menjaga maruah individu yang ditegur, bahkan mengelakkan mereka daripada terasa hati dan menjauhkan diri,” ujarnya.

Dua pemimpin Serambi Mekah bertemu demi kemanusiaan sejagat

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Januari - Pertemuan pemimpin dua wilayah yang dikenali sebagai Serambi Mekah di Nusantara - Kelantan dan Aceh, mengangkat hubungan sejarah dan persaudaraan serantau, sekali gus menyerlahkan solidariti kemanusiaan sejagat menerusi kunjungan mahabbah delegasi Kerajaan Negeri Kelantan ke Aceh, Indonesia pada 15 hingga 19 Januari.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, ketibaan beliau di Aceh telah disambut oleh wakil Gabenor Aceh Drs. Muhammad Diwarsyah.

Menurutnya, hubungan Aceh dan Kelantan telah terjalin sejak sekian lama melalui jalur perdagangan Selat Melaka serta peranan penting dalam penyebaran Islam di rantau nusantara, yang membentuk asas kekuatan peradaban dan kebudayaan umat Melayu-Islam sehingga ke hari ini.



"Aceh pernah muncul sebagai kuasa maritim utama di Sumatera selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, selain menjadi pusat perdagangan dan penyebaran Islam dengan sokongan Turki Uthmaniyyah," katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, semalam.

Tambahnya, Kelantan di Semenanjung Tanah Melayu pula berkembang di bawah pengaruh Pattani dan kemudiannya Siam, sebelum akhirnya jatuh ke tangan British melalui Perjanjian Anglo-Siam 1909, dengan kedua-dua

wilayah ini berkongsi pengalaman sejarah berhadapan campur tangan kuasa luar.

Menurutnya lagi, kunjungan mahabbah tersebut turut membawa mesej solidariti dan kebersamaan pasca bencana banjir besar yang melanda Aceh serta dua lagi wilayah di Sumatera iaitu Sumatera Utara dan Sumatera Barat pada akhir November tahun lalu.

"Bencana tersebut telah mengorbankan sebanyak 1,178 nyawa dan memaksa lebih 238,500 orang dipindahkan. Kunjungan ini adalah

tanda keprihatinan dan sokongan rakyat Kelantan terhadap saudara se-Nusantara yang sedang diuji musibah," katanya.

Dalam lawatan tersebut, Menteri Besar Kelantan turut diiringi Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim, Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan YB Abd Rahman Yunus serta delegasi Kerajaan Negeri Kelantan, bagi memperkukuh hubungan dua hala serta mempererat jaringan kerjasama kemanusiaan dan kebajikan serantau.

Idealisme anak muda perlu diganding dengan kebijaksanaan pengalaman – TMB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Januari – Pembinaan kepimpinan masa depan perlu menggabungkan idealisme anak muda dengan kebijaksanaan pengalaman bagi melahirkan barisan pemimpin yang strategik, berintegriti dan berpandangan jauh.

Demikian kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan yang dimuat naik di laman rasmi beliau hari ini, bersempena kunjungan

hormat daripada Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) bersama barisan Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Kelantan.

Menurutnya, pemikiran generasi muda wajar diasah agar melangkaui kerangka pemikiran semasa, selari dengan konsep Hamasah as Syabab, wal Hikmah as Syuyukh (Semangat anak muda dan kebijaksanaan orang tua).

Tambahnya, selaras dengan agenda Kelantan Sejahtera 2033, usaha memperkukuh sistem perkaderan kepimpinan serta pemer-

kasaan generasi muda yang berdaya tahan dan kalis cabaran merupakan antara pemacu utama kepada kesinambungan kepimpinan negeri yang berwibawa, berilmu dan berorientasikan kesejahteraan jangka panjang.

Dalam pada itu, Dato' Dr Mohamed Fadzli turut merakamkan penghargaan atas kunjungan hormat daripada Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) bersama ADN-ADN Belia Kelantan di pejabatnya, hari ini.

"Saya menghargai kunjungan

hormat daripada Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) dan ADN-ADN Belia Kelantan. Pengenalan yang diberikan serta cadangan-cadangan yang dilontarkan amat bernas dan konstruktif.

"Saya cukup mengagumi semangat dan idealisme anak-anak muda ini yang menunjukkan keprihatinan tinggi serta keberanian dalam mencadangkan idea-idea bernas untuk pembangunan kepimpinan masa depan," katanya menerusi laman rasmi, hari ini.

Beliau berharap agar jalinan kerjasama dan inisiatif seumpama itu dapat menjadi pemangkin kepada kelahiran barisan kepimpinan muda masa hadapan.

"Terima kasih atas kunjungan yang penuh bermakna ini. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada lahirnya barisan kepimpinan muda yang berwibawa, berakhlak dan mampu memacu Kelantan ke arah kesejahteraan yang berterusan" ujarnya.

Roadcare ambil alih penyelenggaraan Pakej 3B, 3C Jalan Gua Musang

Oleh: Fathi Arifin & Norzana Razaly

GUA MUSANG, 18 Januari – Kerajaan negeri memaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan jalan bagi Pakej 3B dan 3C akan diambil alih oleh konsesi jalan Persekutuan Roadcare, susulan tamat tempoh kontrak penyelenggaraan sebelum ini pada Oktober lalu.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin memaklumkan bahawa ketiadaan kontraktor dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan secara teratur, sekali gus menjejaskan keselesaan dan kelancaran trafik.

Menurutnya, perkembangan terbaharu daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Persekutuan merupakan satu berita baik apabila laluan berkenaan akan diserahkan kepada Roadcare untuk tujuan penyelenggaraan.

“Roadcare akan mengambil alih kerja-kerja penyelenggaraan dengan peruntukan bajet yang akan dipohon daripada JKR Persekutuan, manakala pelaksanaan kerja akan dipantau oleh JKR Negeri,” katanya ketika ditemui media Urus



Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri (UPKN) semasa meninjau keadaan jalan terbabit, hari ini.

Beliau juga menjelaskan, pihak Roadcare akan menilai keperluan penyelenggaraan sama ada melibatkan kerja-kerja tampalan lubang atau penurapan semula bagi memastikan keadaan jalan menjadi lebih baik dan selesa untuk pengguna.

“Sebelum ini, jalan ini tidak diselenggara dengan baik sehingga menyebabkan banyak lubang dan seterusnya menimbulkan kesesakan lalu lintas. Alhamdulillah, bermula hari ini pihak ibu pejabat telah memberi kuasa kepada Roadcare untuk menyelenggara jalan ini. Kita menganggap ini sebagai satu perkembangan yang sangat positif kerana ia akan melancarkan kem-

bali pergerakan trafik,” katanya.

Tambahnya, Pakej 3B dan 3C melibatkan laluan dari Bandar Baru ke bandar utama sejauh kira-kira tujuh kilometer, dan laluan berkenaan akan diselenggara sepenuhnya oleh Roadcare di bawah pemantauan kerajaan negeri.

Sementara itu, Pakej 3D yang merangkumi laluan dari Taman Wangi ke Mentara sejauh kira-kira 10 kilometer masih berada di bawah tanggungjawab kontraktor sedia ada, Syarikat Jaya Zira yang akan terus melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di laluan berkenaan.

Mengulas mengenai jalan lencongan (bypass) Dato' Dr Izani berkata laluan tersebut sebelum ini turut mengalami masalah penyelenggaraan sehingga menyebabkan

pergerakan kenderaan perlahan dan kesesakan lalu lintas. Namun, kerja-kerja tampalan yang dilaksanakan baru-baru ini telah menunjukkan peningkatan aliran trafik.

“Selepas ini, kita akan meminta pihak kontraktor supaya melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan lebih menyeluruh, termasuk penurapan semula, supaya jalan menjadi lebih baik, lebih selesa dan perjalanan lebih lancar,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri menyasarkan agar kerja-kerja pembaikan dapat dipercepatkan dan sebahagiannya disiapkan sebelum Tahun Baharu Cina.

“Jika tidak dapat disiapkan sepenuhnya, sekurang-kurangnya keadaan jalan akan menjadi jauh lebih baik berbanding sekarang,” ujarnya.



KuKeS angkat citra Kelantan, perkukuh silaturahim masyarakat – Dato' Tuan Ibrahim



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 Januari - Karnival Kubang Kerian Sejahtera (KuKeS) yang berlangsung selama empat hari di Mydin Mall Tunjong dari 14 hingga 17 Januari lalu berjaya menjadi platform yang mengetengahkan citra negeri Kelantan dan memperkukuh perpaduan masyarakat serta melalui pelbagai

pengisian bermanfaat kepada semua lapisan rakyat.

Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, penganjuran KuKeS memberi ruang kepada aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan dengan menggabungkan elemen agama, tradisi, budaya dan seni.

“Penganjuran Karnival KuKeS



mengangkat citra negeri Kelantan melalui pelbagai pengisian agama, tradisi, budaya dan seni, di samping penerangan berkaitan keselamatan dan kesihatan serta aktiviti kemasyarakatan yang memperkukuh ikatan silaturahim dalam kalangan keluarga dan masyarakat” katanya di laman rasmi, hari ini.

Menurutnya, karnival tersebut

turut diisi dengan program penerangan berkaitan keselamatan dan kesihatan, selain pelbagai aktiviti komuniti yang secara tidak langsung mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan keluarga dan masyarakat setempat.

Beliau merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan, agensi-agensi terlibat, pihak pengurusan Mydin Mall Tunjong, seluruh petugas serta ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus memastikan penganjuran karnival berjalan dengan lancar dan teratur.

“Segala kekurangan yang ada akan dijadikan panduan untuk penambahbaikan pada masa akan datang demi penganjuran yang lebih baik. Terima kasih dan semoga Allah memberkati,” ujarnya.

Majlis Taujihat 2026: Pertanian jadi teras strategik Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 18 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan komitmen menjadikan sektor pertanian sebagai teras strategik negeri selaras dasar Membangun Bersama Islam (MBI).

Demikian kenyataan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail sempena Majlis Taujihat 2026 yang bertemakan "Keterjaminan Makanan, Tanggungjawab Ummah", yang berlangsung di sebuah hotel di sini, hari ini.

Majlis Taujihat 2026 yang menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor pertanian dan industri agro.tersebut menjadi platform perkongsian strategi dan pengalaman antara pentadbir, usahawan agro serta pihak berkepentingan dalam memperkukuh daya saing sektor pertanian negeri.

"Sektor pertanian menyumbang lebih 20 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negeri, sekaligus menjadi pemacu utama ekonomi rakyat serta jaminan keterjaminan makanan. Kami bertekad



memperkukuh pembangunan sektor ini secara menyeluruh," katanaya.

Menurut Dato' Tuan Mohd Saripudin, kejayaan sektor ini jelas terserlah pada 2025 apabila 1.2 juta benih ikan dan udang dilepaskan bagi mempertingkatkan produktiviti perikanan. Bagi 2026, kerajaan negeri menasaskan 61,000 tan metrik pendaratan ikan marin di seluruh negeri.

Industri nanas juga mencatat lonjakan ketara, dengan luas tanaman meningkat 55 peratus manakala luas bantuan melonjak 82 peratus, daripada 147.94 hektar pada 2024 kepada 228.85 hektar

pada 2025.

Beliau turut memaklumkan bahawa usaha kerajaan negeri dalam memperkukuh rantaian nilai hasil pertanian melalui pembangunan CPPC Lojing (Collection, Processing & Packaging Centre) yang dijangka meningkatkan keupayaan pengumpulan, pemprosesan dan pengepakan hasil pertanian.

"Dalam sektor penternakan pula, kita memfokuskan pembangunan projek kambing tenusu serta pengoperasian Goat Milk Collection Centre di Ketereh dan Pasir Puteh, selain projek ayam pedaging dan penelur berskala besar," ujarnya.



Selain itu, fokus utama bagi 2026 adalah pemerkasaan belia agropreneur, pendigitalan pertanian, teknologi pintar, dan pembangunan modal insan bagi memastikan kelestarian sektor ini. Kejayaan pelaksanaan strategi ini dijangka dicapai dengan kerjasama 88 rakan strategik termasuk agensi negeri dan persekutuan serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Insya Allah dengan iltizam bersama, Kelantan terus dipacu ke arah menjadi Jelapang Makanan Negara atau Baloh Negara demi ekonomi dan sebagai amanah serta ibadah untuk kesejahteraan ummah," katanya.

Sistem peperiksaan YIK tunjang hala tuju Pendidikan Islam Kelantan - Exco Pendidikan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Januari - Sistem peperiksaan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) sejak awal penubuhannya menjadi tunjang utama dalam membentuk hala tuju pendidikan Islam di negeri ini, khususnya melalui penekanan terhadap penguasaan Bahasa Arab dan penggunaan silibus Al-Azhar.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan berkata, pendekatan berkenaan berjaya melahirkan generasi pelajar yang memiliki asas agama yang kukuh serta keupayaan memahami teks turath dan sumber rujukan utama dalam bidang keilmuan Islam.

"Dalam masa yang sama, YIK sentiasa peka terhadap perubahan

zaman dan keperluan semasa supaya pendekatan pentaksiran yang dilaksanakan kekal relevan, tanpa mengabaikan identiti serta roh pendidikan Islam yang menjadi teras," katanya menerusi media sosial, pada Ahad.

Terdahulu, beliau memengerusikan mesyuarat bersama Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Mat; Pengarah

YIK Shamsul Abu Bakar; Timbalan-Timbalan Pengarah YIK, serta pegawai dan pesara YIK, di bilik mesyuarat pejabat Exco, Kompleks Kota Darulnaim.

Katanya, perbincangan tersebut bertujuan merangka langkah penambahbaikan sistem peperiksaan YIK secara berhikmah dan berperingkat agar pelaksanaannya terus kukuh serta selari dengan keperluan pendidikan semasa.



Rong Chenok Agro Valley: PKPNK tampilkan model pertanian moden bersepadu

Oleh: Norzana Razaly

PASIR MAS, 19 Januari - Rong Chenok Agro Valley yang diusahakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) terus membuktikan keupayaannya sebagai model pertanian moden bersepadu, merangkumi sektor pertanian, penternakan dan akuakultur, selaras dengan agenda keterjaminan makanan negeri Kelantan.

Kemajuan tersebut dizahirkan sempena lawatan kerja Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ke hab pertanian berkenaan bagi meninjau pelaksanaan pelbagai projek strategik yang sedang dilaksanakan oleh PKPNK di atas tanah berkeluasan 270 ekar dengan peruntukan 170 ekar untuk tanaman manakala 100 ekar untuk ternakan.

Menurutnya, antara tumpuan utama lawatan ialah Projek Melon Madu Kelantan (MMK) yang dilaksanakan di Pusat Penanaman Melon Madu Kelantan, yang kini menunjukkan prestasi pengeluaran yang memberangsangkan.

“Projek ini dibangunkan hasil peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM150,000 pada awal tahun lalu, melibatkan 1,000 pokok melon yang kini sedang melalui penuaian kali kedua, sekali gus mencerminkan pengurusan ladang yang berkesan serta potensi hasil yang tinggi,” katanya ketika ditemui di lokasi, hari ini.

Sehubungan itu, beliau memaklumkan bahawa PKPNK akan mengadakan jualan terus dari ladang sempena Hari Ladang Agro



Valley Rong Chenok pada Sabtu, 24 Januari, bermula pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang.

“Harga jualan Melon Madu Kelantan ditawarkan RM2 lebih rendah daripada harga pasaran semasa iaitu RM9 per kilogram bagi melon premium sebagai usaha mendekatkan hasil berkualiti kepada masyarakat,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, PKPNK kini sedang melaksanakan fasa pengembangan projek MMK menerusi peruntukan RM500,000 di bawah Program Mengoptimalkan Penggunaan Tanah kendalian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama kerajaan negeri.

“Fasa ini melibatkan pembinaan dua rumah perlindungan hujan serta penanaman 4,000 pokok melon, bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran dan memastikan kesinambungan bekalan,” jelasnya.

Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata, inisiatif berimpak tinggi seperti itu akan terus diperkasa bagi memperkukuh sektor hortikultur negeri, meningkatkan pendapatan pengusaha tani serta mengangkat

jenama Melon Madu Kelantan sebagai produk premium tempatan.

Sementara itu, projek pertanian moden PKPNK turut menunjukkan prestasi memberangsangkan, termasuk projek hidroponik NFT tanaman sawi yang melibatkan 56,000 pot dengan keupayaan pengeluaran sekitar 300 kilogram setiap musim, serta projek fertigasi meja cili yang menempatkan 2,000 pokok cili.

“Projek-projek ini mencerminkan keupayaan pendekatan pertanian moden yang lebih tersusun, cekap dan berorientasikan kualiti hasil,” ujarnya.

Dalam sektor penternakan pula, beliau meninjau kandang ayam pedaging moden sistem tertutup yang dibangunkan melalui kerjasama strategik PKPNK dan KPKM, dengan kapasiti 20,000 ekor ayam pedaging khusus untuk pasaran tempatan.

“Lawatan hari ini bertepatan dengan hari penuaian 10,000 ekor ayam pedaging, sekali gus menyumbang kepada kestabilan bekalan makanan rakyat,” katanya.

Turut menjadi perhatian ialah kandang lestari ternakan lembu

Charolais yang menempatkan lebih 60 ekor lembu, dibangunkan berasaskan konsep pengurusan moden serta menepati piawaian kebajikan ternakan. Kandang ini berpotensi dijadikan pusat latihan, kandang contoh dan pusat pendidikan penternakan, khususnya dalam melahirkan penternak ruminan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Lawatan diakhiri dengan tinjauan ke Pusat Pembenuhan Akuakultur PKPNK, yang mempunyai keupayaan pengeluaran sehingga 20,000 benih ikan bagi menyokong industri perikanan negeri.

Menurutnya, pusat berkenaan berperanan penting dalam memastikan bekalan benih berkualiti, meningkatkan produktiviti sektor akuakultur serta memperkukuh rangkaian keterjaminan makanan berasaskan perikanan, di samping membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

“Induk tilapia dan keli dibekalkan oleh Jabatan Perikanan Negeri Kelantan pada 25 Jun tahun lalu, dan kini PKPNK telah berjaya membiakkan 20,000 benih ikan di dalam enam kolam,” jelasnya.

Beliau menzahirkan kepuasan terhadap pencapaian PKPNK dan menegaskan bahawa pembangunan bersepadu di Rong Chenok Agro Valley mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Kelantan, PKPNK serta sokongan KPKM.

“Kerjasama erat tiga pihak ini dalam memperkasa sektor pertanian moden, meningkatkan pengeluaran makanan tempatan dan menjamin keterjaminan makanan negeri secara mampan,” katanya.



Obesiti, diabetes cabaran kesihatan awam serius, penganjuran simposium obesiti langkah tepat -YB Hilmi

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Januari - Isu obesiti dan diabetes kini menjadi antara cabaran kesihatan awam paling serius, bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global, kata Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah.

Katanya, penganjuran simposium kesihatan yang membincangkan prosedur bariatrik amat bertepatan dengan realiti semasa kerana masalah obesiti tidak lagi boleh dilihat sebagai isu kosmetik atau gaya hidup semata-mata.

“Sebaliknya, obesiti telah berkembang menjadi isu penyakit kronik, isu ekonomi, isu sosial, malah memberi kesan kepada ibadah dan kualiti hidup umat manusia,” katanya menerusi media sosial pada Ahad.

Tambahnya, obesiti penyebab penyakit diabetes, tekanan darah

tinggi, penyakit jantung, kegagalan buah pinggang serta pelbagai komplikasi lain bukan lagi isu remeh, malah merupakan satu kemudaratan nyata yang wajib ditangani secara ilmiah, beretika dan berlandaskan syarak.

Beliau turut menjelaskan bahawa walaupun kos rawatan bariatrik mungkin kelihatan tinggi pada peringkat awal, hakikatnya kos komplikasi akibat penyakit diabetes, rawatan dialisis, pembedahan jantung serta rawatan kronik jangka panjang adalah jauh lebih besar.

“Selain membebankan sistem kesihatan, komplikasi ini turut merugikan masa dan menjejaskan kesejahteraan serta kehidupan berkeluarga pesakit,” katanya.

Terdahulu, YB Hilmi hadir merasmikan simposium kesihatan yang membincangkan prosedur bariatrik anjuran Klinik Perubatan An-Nisa dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), dengan kerjasama pakar perubatan dari Qurus Clinic, iaitu Dr Abdul Ghafoor dan Dr Ahmad Khiril Irham di sebuah hotel di

Kota Bharu pada Sabtu.

Simposium berkenaan turut menampilkan sesi perkongsian oleh Pengerusi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Kelantan Tuan Zamani Amir Tuan Zakaria, YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusof serta pakar dietitian Nurhana Aqilah.

Program tersebut turut disertai oleh pengamal perubatan am, khususnya pakar bariatrik, pakar perubatan keluarga serta warga kesihatan primer dari seluruh negeri.



Petugas PKD Wakaf Bharu diseru komited bantu rakyat – YB Rusli



Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 20 Januari - Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu YB Rusli Abdullah menyeru seluruh petugas dan kakitangan Pusat Khidmat DUN (PKD) Wakaf Bharu supaya komited dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat DUN Wakaf Bharu.

Beliau berkata demikian keti-

ka menyampaikan Amanat Khas 2026 kepada kakitangan DUN Wakaf Bharu di sebuah restoran pada Sabtu.

“Insya Allah, dengan semangat dan tema ‘Wakaf Bharu Cakna, Rakyat Sejahtera, Negeri Berkebakjikan’, kita akan terus memastikan setiap tindakan dan program memberi manfaat langsung kepada rakyat. Doakan semoga Allah

SWT mempermudah segala usaha kita,” katanya di laman rasmi, pada Ahad.

YB Rusli menekankan bahawa kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan dalam setiap perancangan dan tindakan.

“Saya berharap tahun baharu ini membawa kesejahteraan kepada seluruh rakyat Wakaf Bharu. Semoga semangat kebersamaan

dan kasih sayang dalam komuniti terus terjalin,” ujarnya.

Beliau turut menyeru kakitangan DUN supaya berintegriti dan profesional dalam setiap tugas.

“Kita mesti sentiasa cakna dengan keperluan rakyat dan bertindak pantas apabila mereka memerlukan bantuan. Perkhidmatan yang mesra rakyat adalah tanggungjawab kita bersama,” jelasnya.



Kemajuan projek Jambatan Sungai Durian capai 49.39 peratus

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 19 Januari 2026 – Projek pembinaan Jambatan Sungai Durian yang terletak di laluan Persekutuan FT008 di Pekan Kuala Krai mencatatkan kemajuan fizikal sebanyak 49.39 peratus setakat 20 Disember 2025.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr. Izani Husin berkata, projek berkenaan merupakan antara infrastruktur penting yang menyokong pergerakan harian penduduk setempat serta laluan utama kenderaan berat termasuk bas ekspres dan lori balak.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke tapak pembinaan jambatan tersebut di kawasan DUN Mengkebang, semalam.

Lawatan itu turut disertai Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latif Abdul Rahman serta pihak



kontraktor yang terlibat.

Menurut Dato' Dr. Izani, projek pembinaan Jambatan Sungai Durian telah diluluskan pada tahun 2021, namun mengalami sedikit kelewatan daripada jadual asal susulan situasi pandemik COVID-19 yang menjejaskan pelaksanaan kerja dan menyebabkan kelewatan hampir dua tahun.

"Selepas tempoh pandemik, projek ini turut berdepan beberapa isu teknikal, antaranya melibatkan utiliti dan pengambilan tanah, yang memerlukan tindakan penyelarasan lanjut," jelasnya.

Sehubungan itu, tempoh siap projek telah dilanjutkan bagi membolehkan segala isu berkenaan ditangani secara berperingkat dan teratur.

Beliau berharap pihak kontraktor dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya supaya pembinaan kedua-dua jambatan dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Dalam pada itu, beliau juga memaklumkan bahawa projek berkenaan dipantau oleh Jurutera Jabatan Kerjaraya (JKR) Jajahan Kuala Krai dan pemantauan rapi

akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan kelancaran serta kualiti pelaksanaan projek.

Dato' Dr. Izani turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan projek tersebut yang bertujuan memberi kemudahan, keselamatan dan ke-selesaian kepada rakyat, khususnya pengguna laluan Persekutuan FT008.

"Kita sama-sama berharap agar projek ini dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh yang telah ditetapkan" ujarnya.



Usaha menyeluruh diperlukan tangani isu dadah di Kelantan – YB Zamakhshari



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 19 Januari - Isu penyalahgunaan dadah di Kelantan tidak boleh ditangani melalui pendekatan satu dimensi semata-mata, sebaliknya menuntut usaha menyeluruh yang melibatkan semua pihak termasuk kerajaan, agensi berkaitan, komuniti serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, tanggungjawab menangani isu dadah tidak boleh diletakkan sepenuhnya kepada penguatkuasaan

atau kerajaan sahaja, sebaliknya memerlukan komitmen kolektif seluruh lapisan masyarakat.

Beliau berkata demikian ketika berkongsi pandangan dalam sesi Podcast Sisi Pandang terbitan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) siaran Ahad, yang membincangkan realiti semasa cabaran penyelesaian dadah di Kelantan.

"Masalah dadah bukan isu terasing atau kegagalan satu pihak, tetapi berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait seperti tekanan sosioekonomi, pengaruh persekitaran, kelemahan sokongan keluarga serta keterdedahan belia

kepada rangkaian pengedaran dadah," katanya.

Menurutnya lagi, Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa berinteraksi dan bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) serta komuniti setempat dalam usaha pencegahan, pemulihan dan advokasi di peringkat akar umbi.

Namun jelasnya, cabaran sebenar adalah memastikan kesinambungan program yang dilaksanakan serta penglibatan aktif masyarakat

secara konsisten dan bukan sekadar bersifat bermusim atau reaksi jangka pendek.

Dalam hal itu, YB Zamakhshari menegaskan peranan komuniti dan NGO amat penting, khususnya dalam aspek pengesanan awal, sokongan pemulihan serta pembinaan semula kehidupan bekas penagih agar mereka tidak kembali terjerumus ke kitaran lama.

Beliau turut menekankan bahawa pencegahan paling awal bermula di peringkat keluarga, di mana hubungan yang harmoni, komunikasi yang sihat serta sokongan emosi dalam rumah tangga menjadi benteng utama melindungi remaja dan belia daripada pengaruh dadah.

"Isu ini menuntut kesedaran, keprihatinan dan tindakan bersama. Jika kita benar-benar mahukan perubahan, ia perlu bermula dari rumah, diperkukuh di peringkat komuniti dan diterjemahkan melalui kerjasama berterusan semua pihak," ujarnya.



Pendekatan kreatif Kelantan digitalisasikan juadah musim monsun

Oleh: Norzana razaly

KOTA DARULNAIM, 20 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan menerbitkan dokudrama ke-19 sebagai pendekatan kreatif mendigitalisasikan juadah tradisi musim monsun, selari usaha memartabatkan warisan makanan tempatan dalam ekosistem media dan teknologi semasa.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata dokudrama berkenaan memfokus teknologi fermentasi Ikan Budu serta inovasi resipi Telur Dadar Ikan Budu, hidangan tradisi yang sinonim dengan kehidupan masyarakat Kelantan ketika musim tengkujuh.

Menurutnya, bermula November hingga Mac setiap tahun, negeri-negeri Pantai Timur berdepan cabaran musim tengkujuh, namun masyarakat Kelantan telah lama menyesuaikan diri dengan fenomena tersebut sebagai sebahagian daripada kitaran kehidupan.

“Masyarakat Kelantan pun sudah serasi dengan bah. Sebab itu



ulah kita mengambil pendekatan positif dengan meraikan ujian ini melalui program yang bermanfaat, selagi tidak memudaratkan semua pihak,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata pendekatan itu turut diterjemahkan menerusi pertandingan Kemasin Beach Suf Competition 2025 pada akhir tahun lalu yang menggabungkan elemen sukan, pelancongan dan kebudayaan. Pada masa sama, makanan popular musim tengkujuh dipamerkan sebagai salah satu komponen acara bagi menghayati sepenuhnya suasana dan ‘mood’ musim bah secara positif.

“Mahu atau tidak, monsun tetap datang. Apa yang penting ialah bagaimana kita menghadapinya dengan tenang dan kreatif,” ujarnya.

Dalam pada itu, Datuk Kamarudin juga menjelaskan bahawa penerbitan dokudrama Ikan Budu tersebut bertujuan mendekatkan masyarakat, khususnya generasi muda, kepada dunia digital selaras dengan trend semasa, selain memperluas kefahaman terhadap nilai ilmu dan kearifan tempatan di sebaliknya makanan tradisional.

Katanya lagi, kisah fermentasi yang sebelum ini terhad di ruang dapur kini diangkat ke medium



visual dan platform digital sebagai naratif yang mendidik serta menghibur, sekali gus membuka ruang inovasi kandungan berteraskan warisan.

“Dokudrama ini membuktikan bahawa di sebalik cabaran musim tengkujuh, terdapat kebijaksanaan tempatan yang terus hidup dan boleh diolah menjadi kandungan berimpak, selari dengan kehendak zaman,” jelasnya.

Dokudrama tersebut boleh ditonton menerusi pautan <https://inforakyat.kelantan.my/index.php/berita/430-pendekatan-kreatif-kelantan-digitalisasikan-juadah-musim-monsun>

Jangan sombong dengan ilmu dan pencapaian – Exco Agama



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Januari - Sikap merasa diri paling pandai dan berilmu kerana memiliki pelbagai pencapaian perlu dijauhi kerana ia boleh menjerumuskan seseorang ke dalam sifat sombong

dan angkuh.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud menegaskan bahawa ilmu sepatutnya melahirkan rasa tawaduk, bukannya untuk berasa sombong dan angkuh.

Menurutnya, sifat mazmumah itu mendorong seseorang merendahkan pandangan dan perbuatan orang lain yang dianggap lebih rendah tahap pengetahuan serta pencapaiannya.

“Jangan sekali-kali berasa sombong dengan ilmu dan kepandaian yang kita ada. Sikap ini boleh menyebabkan kita menolak kebenaran, menidakkan pandangan orang lain serta memandang rendah mereka yang kelihatan lemah atau tidak mempunyai pencapaian,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Jelasnya, Nabi Muhammad SAW mengingatkan umat Islam bahawa ahli syurga boleh terdiri daripada golongan yang lemah dan dipandang hina oleh manusia, namun mereka dekat dengan Allah SWT kerana keikhlasan serta kes-

ungguhan berdoa dan bergantung harap kepada-Nya.

Sebaliknya, katanya lagi, tidak mustahil ahli neraka datang daripada kalangan orang berilmu sekiranya mereka memiliki hati yang keras, ego dan sombong, walaupun mempunyai kedudukan serta pengetahuan yang tinggi.

“Nabi SAW juga sangat murka terhadap golongan yang banyak bercakap tanpa faedah, memandang rendah percakapan orang lain dan bersikap sombong ketika berbicara,” ujarnya.

Justeru itu, YB Mohd Asri mengingatkan umat Islam supaya sentiasa menjaga adab dalam percakapan, termasuk ketika memberi pandangan atau kritikan, dengan mengamalkan hikmah, tutur kata yang baik serta pendekatan yang lembut.

Kaedah Terramesh, pembinaan jambatan antara solusi jangka panjang isu jalan di Lojing

Oleh: Syamimi Manah

LOJING, 21 Januari – Kaedah pembaikan cerun menggunakan Terramesh Wall System serta cadangan pembinaan jambatan dikenal pasti sebagai antara penyelesaian jangka panjang bagi menangani masalah runtuh jalan dan lubang benam yang berulang di Laluan Persekutuan FT185, Lojing.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato' Dr Izani Husin berkata, susulan kejadian jalan runtuh yang berlaku pada 3 Disember 2025 kira-kira pukul 12 tengah malam di Seksyen 107.6 FT185, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil tindakan segera dengan menjalankan pemeriksaan tapak serta penilaian keselamatan.

Menurutnya, hasil penilaian tersebut mendapati keadaan laluan berkenaan tidak selamat untuk digunakan, menyebabkan JKR menutup sepenuhnya jalan itu kepada semua kenderaan bagi mengelakkan risiko lebih besar kepada pengguna.

“Laporan awal kejadian telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat JKR sebelum kajian teknikal terperinci dilaksanakan bagi menentukan kaedah pembaikan yang paling sesuai, selamat dan mampan untuk jangka panjang,” katanya



ketika mengulas lawatan kerja ke lokasi terjejas, pada Ahad.

Dato' Dr Izani menjelaskan, hasil kajian mendapati pembaikan cerun perlu dilaksanakan menggunakan kaedah Terramesh Wall System yang dikenal pasti lebih berkesan dalam menstabilkan cerun di kawasan berisiko tinggi.

“Sehubungan itu, Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya dengan anggaran kos sebanyak RM35 juta,” ujarinya.

Selain pembaikan kekal, beliau memaklumkan JKR turut mencadangkan pembinaan laluan lencongan sementara yang lebih selamat dengan anggaran kos melebihi RM2 juta bagi memastikan kelangsungan pergerakan pengguna jalan raya sementara menunggu

kelulusan peruntukan dan pelaksanaan kerja pembaikan.

Dalam perkembangan berkaitan, Dato' Dr Izani berkata lawatan kerja berkenaan turut melibatkan satu lagi lokasi kejadian lubang benam di Jalan Persekutuan FT185 Seksyen 78.600, Jalan Lojing-Gua Musang dalam Jajahan Gua Musang.

Menurutnya, penilaian teknikal JKR mendapati kawasan tersebut berada pada tahap risiko tinggi dan memerlukan penyelesaian jangka panjang yang lebih menyeluruh.

“Pihak konsesi mencadangkan pembinaan sebuah jambatan sebagai penyelesaian paling sesuai bagi mengatasi masalah berulang di kawasan itu. JKR akan menjalankan kajian struktur terperinci sebelum mengangkat permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan

Menteri Kerja Raya,” huraianya.


Beliau juga menjelaskan bahawa sebelum ini pihak konsesi penyelenggaraan, Roadcare telah melaksanakan satu pembaikan kekal serta dua kali kerja penyelenggaraan, namun kejadian lubang benam dan runtuh masih terus berlaku.

Tambahnya, keadaan tersebut dikenal pasti berpunca daripada pergerakan air bawah tanah yang aktif, sekali gus menjadikan kaedah pembaikan konvensional tidak lagi sesuai untuk jangka masa panjang.

“Oleh itu, pembinaan jambatan dikenal pasti sebagai penyelesaian paling selamat dan mampan bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya,” jelasnya.

Dr Izani turut merakamkan penghargaan kepada JKR atas tindakan pantas serta komitmen berterusan dalam memohon peruntukan pembaikan kekal dan laluan lencongan demi keselamatan rakyat.

“Kerajaan Negeri Kelantan akan terus bekerjasama rapat dengan JKR serta kementerian berkaitan bagi memastikan kelulusan peruntukan dapat dipertimbangkan segera demi keselamatan awam dan kelangsungan sistem perhubungan di kawasan Lojing dan Gua Musang,” ujarinya.



Impian miliki kediaman sendiri tercapai, Penyelaras OKU Tumpat terima kunci Rumah Dhuafa'

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 21 Januari – Impian Penyelaras Orang Kurang Upaya (OKU) Parlimen Tumpat untuk memiliki kediaman sendiri akhirnya menjadi kenyataan apabila beliau menerima sebuah Rumah Dhuafa' dalam satu majlis perasmian dan penyerahan kunci yang berlangsung di Kampung Bunut Sarang Burung, pada Sabtu.

Majlis tersebut disempurnakan dengan solat hajat serta perasmian penyerahan rumah dan turut dikongsikan menerusi hantaran video Ahli Dewan Negeri (ADN) Wakaf Bharu, YB Rusli di media sosial.

Penerima rumah, Harun Yusoff atau lebih dikenali sebagai Man, melahirkan rasa syukur dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan atas bantuan yang diberikan kepada beliau sekeluarga.

"Saya dan isteri serta dua orang anak mengucapkan terima kasih



kepada YB Rusli dan Menteri Besar Kelantan kerana telah memberi rumah kepada saya.

"Sebelum ini saya tinggal menumpang di rumah kakak. Saya amat bersyukur kerana kini dapat duduk di rumah sendiri tanpa perlu menyewa," katanya.

Beliau turut menyifatkan pemberian tersebut sebagai hadiah amat bermakna yang membawa kegembiraan besar kepada keluarganya.

"Saya gembira dengan hadiah daripada kerajaan negeri untuk saya sekeluarga," ujarinya.

Sementara itu, YB Rusli dalam

kenyataannya berkata, Harun merupakan Penyelaras OKU Parlimen Tumpat yang banyak membantu menguruskan hal ehwal golongan OKU sama ada di peringkat Parlimen mahupun negeri Kelantan.

"Alhamdulillah, kita dapat bersama-sama dalam solat hajat dan perasmian penyerahan Rumah Dhuafa' kepada Man yang merupakan Penyelaras OKU Parlimen Tumpat.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Man dan merakamkan terima kasih kepada YAB Menteri Besar Kelantan atas peruntukan Rumah



Dhuafa' ini," katanya.

Menurutnya, Harun mempunyai dua orang anak dan isterinya juga merupakan seorang OKU, justeru bantuan perumahan tersebut amat signifikan dalam menjamin kesesuaian dan kesejahteraan keluarga berkenaan.

"Semoga rumah ini dapat merealisasikan impian dan harapan Man untuk menjaga keluarganya.

"Semoga Man terus kuat bekerja, bersemangat menyara keluarga serta menjadi contoh dan inspirasi kepada golongan OKU," ujarnya.

Aktiviti borong di Pasar Siti Aisyah Jelawat pindah ke Pasar Bandar Baru Jelawat mulai 1 Februari 2026



Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 22 Januari - Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDB-BPI) memaklumkan semua aktiviti pemborongan ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan di Pasar Siti Aisyah Jelawat akan dipindahkan ke Pasar Bandar Baru Jelawat berkuat kuasa 1 Feb-

ruari 2026.

Menerusi media sosial Ahad lalu, MDB-BPI menyatakan pemindahan itu bagi menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih selesa dan kemudahan yang lebih baik kepada pemborong dan pembeli.

Menurut kenyataan itu juga,



penempatan baharu berkenaan dijangka dapat melancarkan urusan jual beli, menarik lebih ramai pengunjung serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat di Daerah Bachok.

"Langkah ini juga selari dengan usaha berterusan MDB-BPI dalam menyusun semula operasi pasar

borong agar lebih kemas, selamat serta mematuhi peraturan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Sementara itu, MDB-BPI turut mengadakan pertemuan bersama peniaga borong bagi membincangkan penempatan baharu aktiviti perniagaan di Pasar Bandar Baru Jelawat.

Hasil perbincangan tersebut menyaksikan semua pihak mencapai persetujuan untuk berpindah dan menjalankan perniagaan di pasar berkenaan demi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih teratur, selesa dan sistematik.

Pada hari sama, proses pembahagian tapak perniagaan turut dilaksanakan secara teratur dan telus bagi memastikan setiap peniaga memperoleh ruang niaga yang bersesuaian dengan keperluan operasi masing-masing.

Perbahasan titah diraja: Bahasa Melayu, pembangunan Pantai Timur dan integriti negara jadi tumpuan

Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 22 Januari - Isu kedaulatan bahasa kebangsaan, jurang pembangunan Pantai Timur serta pembinaan negara berteraskan integriti dan nilai menjadi antara fokus utama perbahasan Junjung Kasih Titah Diraja sempena pembukaan Penggal Parlimen 2026.

Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md. Nawi menegaskan bahawa pemartabatan Bahasa Melayu tidak wajar dilihat sebagai slogan politik semata-mata, sebaliknya merupakan isu kedaulatan negara yang termaktub jelas dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan ini isu kedaulatan Malaysia. Ini bukan ekstremisme, tetapi amanah Perlembagaan dan realiti demografi negara," tegas beliau ketika membahaskan Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan perlu dilaksanakan secara menyeluruh meliputi semua urusan rasmi kerajaan, termasuk dokumen dasar, latihan penjawat awam, papan tanda serta komunikasi rasmi di dalam dan luar negara.

"Sudah tiba masanya Dewan Bahasa dan Pustaka diperkasa sepenuhnya, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga daerah. Bahasa dan jati diri negara tidak



boleh dipandang remeh," katanya.

Dalam perbahasan sama, beliau turut membangkitkan isu ketidakseimbangan pembangunan infrastruktur serta kelemahan sistem mobiliti rakyat di Pantai Timur yang menurutnya masih berlautan.

"Pantai Timur masih menghadapi kos perjalanan tinggi dan pengangkutan awam luar bandar yang lemah. Kita memerlukan kerangka mobiliti yang serius, bukan serpihan projek," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan mempercepatkan pelaksanaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) sehingga ke Tumpat serta memastikan penyelarasan jaringan rel dan pengangkutan awam luar bandar agar manfaat pembangunan dapat dinikmati secara menyeluruh.

"Sekuriti makanan negara bergantung kepada petani dan nelayan

kecil. Tanpa jaringan mobiliti yang mantap, mereka akan terus hidup dalam kemiskinan, dan ini menjejaskan keselamatan makanan negara," katanya lagi.

Dato' Mumtaz turut mencadangkan penubuhan Pusat Pendidikan Keselamatan Bencana Negara bagi memperkukuh kesiapsiagaan rakyat menghadapi bencana seperti banjir, kebakaran dan gempa bumi.

"Rakyat mesti diperkasakan dengan pendidikan, kemahiran dan simulasi. Kita tidak boleh terus bersifat reaktif setiap kali bencana berlaku. Pendidikan keselamatan bencana harus dimulakan dari kanak-kanak sehingga dewasa," tegasnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff pula menekankan bahawa pendidikan berintegriti merupakan asas utama pembinaan negara, selain menyeru agar ama-

“

Sudah tiba masanya Dewan Bahasa dan Pustaka diperkasa sepenuhnya, bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga daerah. Bahasa dan jati diri negara tidak boleh dipandang remeh,”

lan rasuah dibanteras secara tegas tanpa sebarang kompromi.

"Pendidikan tidak boleh ditafsirkan secara sempit sebagai pencapaian akademik semata-mata, sebaliknya perlu menjadi wahana pembentukan nilai, etika, disiplin dan tanggungjawab kenegaraan," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa kegagalan mendidik nilai amanah dan integriti akan melahirkan kepimpinan yang rapuh dari segi moral, seterusnya membuka ruang kepada penularan rasuah dalam institusi awam.

Mengulas kes rasuah melibatkan pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), beliau menyeru agar tindakan tegas diambil tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

"Rasuah bukan sekadar kesalahan undang-undang, tetapi pengkhianatan terhadap amanah rakyat, negara dan raja," tegasnya.





Kaedah Terramesh, pembinaan jambatan antara solusi jangka panjang isu jalan di Lojing

Kadar jenayah di Kelantan turun 19.5 peratus, kerajaan negeri zahir rasa syukur

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 Januari - Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan kesyukuran atas penurunan ketara kadar jenayah di negeri ini sebanyak 19.5 peratus, berdasarkan data rasmi terkini Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata pencapaian itu mencerminkan keberkesanan pendekatan menyeluruh yang dilaksanakan secara bersepadu oleh pihak eksekutif, disokong kerangka perundangan yang mantap serta pentadbiran berintegriti.

Menurutnya, kejayaan berkecayaan bukan hanya hasil penguatkuasaan undang-undang semata-mata, sebaliknya turut dipacu usaha berterusan dalam pembangunan insan berteraskan ilmu, akhlak dan kesedaran rohani.

"Keselamatan awam dan ketenteraman sosial tidak boleh digalas melalui mekanisme penguatkuasaan semata-mata. Akhlak yang baik berfungsi sebagai kawalan dalaman yang mampu mencegah perbuatan jenayah walaupun tanpa pengawasan zahir," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Dato' Dr Mohamed Fadzli turut mengucapkan tahniah kepada Ketua Polis Kelantan YDH Dato' Mohd Yusoff Mamat serta seluruh warga PDRM atas komitmen dan profesionalisme dalam membante-



ras jenayah di negeri ini.

Mengulas lanjut, Dato' Dr Mohamed Fadzli berkata kerajaan negeri kekal beriltizam memperkasakan agenda Pendidikan Rabbani (DPRK) dan Komuniti Rabbani (K-RAB) sebagai dasar pembangunan insan yang menjadi tunjang pencegahan jenayah secara lestari.

Katanya, pendekatan itu menumpukan pengukuhan kefahaman ilmu yang sahih, penghayatan nilai agama dalam kehidupan seharian serta pembinaan komuniti yang saling memperingatkan ke arah kebaikan dan pencegahan kemungkaran.

"Perubahan sosial yang berkekalan bermula daripada pembinaan jiwa dan sahsiah individu, selaras dengan firman Allah SWT bahawa nasib sesuatu kaum tidak akan berubah melainkan mereka

mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan dan Undang-Undang berkata kerajaan negeri turut menyedari kesan sampingan kepesatan teknologi yang boleh menyumbang kepada peningkatan jenayah jika tidak dipandu dengan nilai dan adab.

Sehubungan itu, katanya, teknologi perlu dimanfaatkan dan diarahkan ke jalan kebaikan melalui ilmu yang berteraskan adab, bukannya ditolak secara total.

"Kemajuan negeri tidak wajar dinilai semata-mata melalui pembangunan material dan angka pertumbuhan, sebaliknya perlu diukur melalui kehalusan budi, kemuliaan akhlak serta ketinggian budaya rakyat," katanya.



Perubahan sosial yang berkekalan bermula daripada pembinaan jiwa dan sahsiah individu, selaras dengan firman Allah SWT bahawa nasib sesuatu kaum tidak akan berubah melainkan mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri,"

Dalam pada itu, beliau menyeru seluruh rakyat Kelantan, termasuk para perantau, agar terus memelihara amanah, sahsiah dan integriti serta berganding bahu menyebarkan pembangunan fizikal dan spiritual demi kesejahteraan negeri.

Jelas beliau, kerajaan negeri berhasrat untuk memastikan Kelantan bukan sahaja dikenali kerana keindahan alam dan warisannya, malah menjadi contoh sebagai negeri yang rakyatnya berakhlak mulia, sejajar dengan identiti Kelantan Darul Naim yang berteraskan nilai Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam.

Media sebelum ini melaporkan bahawa jenayah indeks di Kelantan mencatat penurunan daripada 2296 kes pada 2024 kepada 1848 kes pada tahun 2025, penurunan sebanyak 448 kes atau 19.5 peratus.

